

SINAR HARIAN 4 OGOS 2022

Perkasa zon penampaman hidupan liar atasi krisis hidupan liar dan manusia

SHAH ALAM - Isu krisis antara hidupan liar dan manusia yang meruncing sejak kebelakangan tahun ini memerlukan pihak kerajaan lebih serius dalam memperkasakan zon penampaman bagi meneutralisasikan keadaan antara habitat berkenaan.

Zon penampaman merupakan satu kawasan peralihan bagi habitat hidupan liar yang terdiri daripada hutan simpan kekal dan rizab hidupan liar serta kawasan

aktiviti manusia bagi mengelakkan pertembungan yang bakal menimbulkan masalah.

Penyelidik Utama Kumpulan Integrasi Oasis Institut Kejuruteraan Integrasi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Dr Muhammad Abdul Latiff Abu Bakar berkata, antara perkara yang kurang diberi perhatian di dalam negara ini adalah berkenaan zon penampaman bagi hidupan liar.

"Satu perkara yang saya kira kurang diberi perhatian berkenaan hidupan liar ini adalah pemerkasaan zon penampaman di sekeliling habitat hidupan liar. Seharusnya ter-



MUHAMMAD ABDUL LATIFF

dapat kawasan yang mengelilingi habitat berkenaan dan berfungsi sebagai zon peralihan antara habitat hidupan liar dan kawasan aktiviti manusia," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Menurut beliau, secara dokumentasinya memang terdapat kawasan yang digantikan sebagai zon penampaman, bagaimanapun mempersoalkan sama ada ia benar-benar diberi perhatian.

Soal beliau, jika ia benar-benar dilakukan, mengapa konflik hidupan liar melibatkan haiwan seperti gajah dan harimau terus berlaku.

"Jika kelakuan haiwan, saiz habitat serta kefungsian zon penampaman diambil kira, kita dapat mengurangkan konflik ini di masa hadapan," ujarnya.

Wanita Orang Asli parah diserang gajah liar

GERIK - Seorang wanita Orang Asli cedera parah selepas diserang seekor gajah liar di Kampung Katong, RPS Kemar, di sini pada Sabtu.

Dalam kejadian jam 6.30 petang, wanita berusia 30 tahun itu dikatakan tidak menyedari kehadiran mamalia tersebut ketika dia sedang mencari durian di belakang rumahnya.

Ketua Polis Daerah Gerik, Superintendant Zulkifli Mahmood berkata, mangsa diserang dan ditindang oleh seekor gajah hingga patuh tangan kanan, patuh kaki kanan dan lebam di perut. "Mangsa menerima rawatan awal di Klinik Kesihatan RPS Kemar sebelum dibawa ke Unit Kecemasan Hospital Gerik," katanya pada Isnin. Menurutnya, mangsa kini ditemontkan di Unit

Laporan *Sinar Harian* pada Selasa.